



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

JERAYAWARA KASIH KINI DI SARAWAK, KPWKM KOMITED BERI KESEDARAN ANTIGANGGUAN SEKSUAL KEPADA MASYARAKAT

KUCHING, 21 JULAI – Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) meneruskan siri Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual ke Negeri Sarawak, yang merupakan lokasi kedua selepas Pulau Pinang. Jerayawara ini disempurnakan oleh YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat di Penview Convention Centre, Kuching.

Statistik yang dilaporkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan bilangan kes gangguan seksual yang dilaporkan di seluruh negara mencatatkan sebanyak 477 kes. Manakala di Sarawak pula sebanyak 16 kes gangguan seksual telah dilaporkan. Sehubungan dengan itu, dengan adanya program jerayawara ini masyarakat akan lebih cakna dan ambil peduli akan platform yang disediakan KPWKM untuk membuat aduan selain faham akan seriusnya perbuatan ini tidak boleh dinormalisasikan dalam kalangan masyarakat.

Kerajaan juga telah menggubal Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] sebagai satu manifestasi yang kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi manusia. KPWKM turut menyambut baik inisiatif daripada Kerajaan Negeri Sarawak yang telah mengeluarkan Pekeliling Perjawatan Negeri Sarawak Bilangan 10 Tahun 2022 mengenai Garis Panduan Mengendalikan Gangguan Seksual di Tempat Kerja Dalam Perkhidmatan Awam Negeri Sarawak yang telah mula berkuatkuasa pada 8 September 2022.

KPWKM komited beri kesedaran kepada masyarakat melalui program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual ke Negeri Sarawak bagi menyeru semua pihak untuk bersama-sama memainkan peranan dalam melindungi segenap lapisan masyarakat daripada dieksploitasi dan menjadi mangsa gangguan seksual. Masyarakat juga diseru untuk bekerjasama sepenuhnya dalam menangani isu gangguan seksual ini demi mewujudkan sebuah persekitaran selamat selaras dengan rukun Malaysia MADANI.

Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual diadakan bertujuan memberikan pendedahan, pengetahuan serta menyebarkan pemakaian garis panduan dan notis antigangguan seksual kepada masyarakat. Pelbagai program menarik dan bermanfaat berkaitan Advokasi Antigangguan Seksual telah disusun sepanjang program jerayawara ini seperti sesi perkongsian oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan pameran daripada agensi-agensi KPWKM.

Program peringkat Negeri Sarawak hari ini turut dihadiri oleh YB Dato' Sri Hajah Fatimah Abdullah, Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-kanak dan Kesejahteraan Komuniti Sarawak, YBhg. Datuk Dr. Maziah Che Yusoff, Ketua Setiausaha KPWKM, YB Datuk Hajah Sharifah Hasidah Binti Sayeed Aman Ghazali, Timbalan Menteri di Jabatan Premier Sarawak, Undang-Undang Perjanjian Malaysia 1963 (MA63) dan Perundangan Negeri Persekutuan, YB Ir. Aidel Lariwoo, Timbalan Menteri Infrastruktur dan Pembangunan Pelabuhan Sarawak (Pembangunan Infrastruktur), Ketua-Ketua Jabatan Kerajaan Negeri Sarawak, wakil-wakil Kerajaan Persekutuan, Badan-badan korporat, persatuan majikan dan sekerja, Badan Bukan Kerajaan (NGO) serta penduduk setempat.

##

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
21 JULAI 2023**